

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA'(FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
HUKUM MAYAT YANG DISIMPAN LAMA ATAU DIKOREK SEMULA UNTUK
DIJADIKAN SEBAGAI BAHAN KES DALAM MAHKAMAH**

1. TAJUK PERSOALAN

Persoalan ini dikemukakan untuk meminta pandangan dan pertimbangan Ahli-ahli Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan mengenai “Hukum Mayat Yang Lama Atau Dikorek Semula Untuk Dijadikan Sebagai Bahan Kes Dalam Mahkamah”.

2. PERBINCANGAN

Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' Negeri Selangor telah sebulat suara memutuskan bahawa menerima pakai keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' Kebangsaan iaitu:-

2.1 Dalam Islam pengkebumian mayat hendaklah disegerakan, sengaja melambat-lambatkan pengebumian adalah **haram**. Oleh itu mayat tidak boleh disimpan lama dan hendaklah segera dikebumikan, pihak yang bertanggungjawab menjalankan siasatan dalam kes kematian hendaklah menyegerakan siasatannya. Tindakan melambat-lambatkan siasatan hingga menyebabkan mayat lambat dikebumikan adalah juga haram.

2.2 Manakala hukum mengorek semula mayat pada asalnya adalah tidak harus kerana menjaga kemuliaan dan kehormatan manusia. Sungguhpun begitu mayat boleh dikorek semula apabila terdapat sebab-sebab syara' yang memerlukan demikian, antaranya;

2.2.1 Kubur lama yang diketahui mayat-mayatnya telah reput dan menjadi tanah.

- 2.2.2 Apabila kubur-kubur itu dicemari kotoran atau ditenggelami air yang menyebabkan mayat-mayat yang berada di dalamnya terseksa.
- 2.2.3 Apabila kubur atau mayat itu masih terikat dengan hak manusia hidup, seperti terdapat harta orang yang masih hidup pada badan mayat atau di dalam kubur tersebut.
- 2.3 Tidak dinyatakan secara jelas di dalam Al-Quran dan hadith nabi s.a.w mengenai hukum menyimpan lama atau mengorek semula mayat untuk dijadikan bahan kes dalam mahkamah.
- 2.4 Mengikut pendapat Abu Muhammad Abdullah b. Ahmad b. Muhammad b. Qudamah, Pengarang Kitab al-Mughni, juzu' 2, hlmn 391 menyatakan; 'harus mengorek semula kubur jika diyakini mayat tersebut telah hancur dan reput dan bolehlah ditanam mayat lain pula '.
- 2.5 Oleh yang demikian, hukum menyimpan lama mayat atau mengorek semula untuk tujuan sebagai bahan kes dalam mahkamah adalah diharuskan kerana di qiaskan kepada hukum harus mengorek semula kubur dengan tujuan untuk ditanam dengan mayat yang lain. Ini juga berdasarkan kepada perbuatan Muaz sendiri yang telah mengorek semula kubur isterinya.
- 2.6 Kaedah Fiqh menyatakan bahawa; "melaksanakan sesuatu urusan pemerintahan adalah berdasarkan maslahat kepada orang ramai supaya sesuatu perkara itu dapat diputuskan dengah adil di mahkamah".

3. **KEPUTUSAN**

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(FATWA) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti dan adalah harus mayat disimpan lama atau dikorek semula untuk dijadikan bahan kes dalam mahkamah. Apabila terdapat sebab-sebab syar'i yang mengharuskannya.